

20 JAN 1996

MELAKA, 20 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani hari ini meminta akhbar menghentikan laporan yang mengaitkan kedudukan jawatan beliau dengan keputusan Majlis Tertinggi (MT) UMNO bahawa Tan Sri Rahim Tamby Chik berhak kembali sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO.

"Saya sudah berulang kali menyatakan bahawa MT tidak membincangkan langsung mengenai jawatan Ketua Menteri Melaka," katanya.

Keputusan MT berhubung kedudukan Rahim sebagai Ketua Pemuda tidak ada kaitan dengan jawatan Ketua Menteri dan hanya akhbar tertentu sahaja cuba membuat andaian sendiri, kata Zin.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan sijil perlantikan 132 orang pengerusi dan setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung daerah Melaka Tengah di sini.

Sebuah akhbar harian semalam melaporkan bahawa Zin menyatakan kesediaan berundur daripada jawatannya sebagai Ketua Menteri jika diarah oleh pucuk pimpinan.

Zin berkata isu mengenai jawatan ketua menteri tidak sepatutnya timbul langsung.

Beliau berkata kenyataannya mengenai kesediaan untuk meletakkan jawatan jika dikehendaki oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah kenyataan umum kerana Perdana Menteri memang berhak melantik atau menarik balik perlantikan yang telah dibuat. -- BERNAMA